

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI II : 2024/2025

DCQ40182: PROFESSIONAL PRACTICE 2

TARIKH : 11 MEI 2025

MASA : 8.30 PAGI – 10.30 PAGI (2 JAM)

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak.

Bahagian A: Subjektif (2 soalan)

Bahagian B: Subjektif (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

SECTION A: 50 MARKS**BAHAGIAN A: 50 MARKAH****INSTRUCTION:**

This section consists of **TWO (2)** subjective questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan subjektif. Jawab **SEMUA** soalan.*

QUESTION 1**SOALAN 1**

- CLO1 (a) Explain **THREE (3)** purposes of Provisional Sum to be included in a tender document.

*Terangkan **TIGA (3)** tujuan Wang Peruntukan Sementara dimasukkan ke dalam dokumen tender.*

[6 marks]

[6 markah]

- CLO1 (b) Main contractor is given the opportunity to price Profit and Attendance Charge items for the works executed by the nominated sub-contractors under Prime Cost Sum. Determine the reasons for those Profit and Attendance Charge given to the main contractor.

Kontraktor utama diberi peluang untuk menghargakan item Keuntungan dan Caj Layanan bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh sub-kontraktor dinamakan di bawah peruntukan Wang Kos Prima. Tentukan sebab-sebab mengapa Keuntungan dan Caj Layanan tersebut diberikan kepada kontraktor utama.

[8 marks]

[8 markah]

CLO1

- (c) Based on the information given in Table A1(c), prepare an adjustment for the Profit and the Attendance Charge of the Prime Cost Sum for Mechanical and Electrical Works.

Berdasarkan maklumat yang diberikan di dalam Jadual A1(c), sediakan pelarasan bagi Keuntungan dan Caj Layanan bagi Wang Kos Prima untuk Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal.

Table A1(c) / Jadual A1 (c)

No.	Item / Item	Value / Nilai
1.	- Mechanical Works <i>Kerja-kerja Mekanikal</i>	RM 2,500,000.00
	- Electrical Works <i>Kerja-kerja Elektrikal</i>	RM 2,000,000.00
2.	- Profit for Mechanical Works <i>Keuntungan untuk Kerja Mekanikal</i>	2%
	- Profit for Electrical Works <i>Keuntungan untuk Kerja Elektrikal</i>	3%
3.	- Attendance charge for Mechanical Works <i>Caj Layanan untuk Kerja Mekanikal</i>	RM 25,000.00
	- Attendance charge for Electrical Works <i>Caj Layanan untuk Kerja Elektrikal</i>	RM 20,000.00
4.	- Actual Cost executed by nominated sub-contractor for Mechanical Works <i>Kos sebenar yang dilaksanakan oleh sub-kontraktor dinamakan bagi Kerja Mekanikal</i>	RM 2,480,550.00
	- Actual Cost executed by nominated sub-contractor for Electrical Works <i>Kos sebenar yang dilaksanakan oleh sub-kontraktor dinamakan bagi Kerja Elektrikal</i>	RM 2,150,000.00

[11 marks]

[11 markah]

QUESTION 2**SOALAN 2**

- CLO1 (a) The main purpose of Interim Payment is to ease the financial burden on the contractor to finance the entire project until completion. Explain the importance of Interim Payment in the construction contracts.
- Tujuan utama Bayaran Interim adalah bagi mengurangkan beban kewangan kontraktor untuk membiayai keseluruhan projek sehingga siap. Terangkan kepentingan Bayaran Interim di dalam kontrak pembinaan.*
- [6 marks]
[6 markah]
- CLO1 (b) The employer's responsibility is to issue payment of the progress claim to the contractor monthly. Determine **FOUR (4)** matters to be considered in preparing the Interim Payment.
- Tanggungjawab majikan adalah untuk membuat bayaran kepada tuntutan kontraktor pada setiap bulan. Tentukan **EMPAT (4)** perkara yang perlu dipertimbangkan dalam penyediaan Bayaran Interim.*
- [8 marks]
[8 markah]
- CLO1 (c) Interim Payment plays a crucial role in maintaining the smooth flow of a construction project, benefiting both the contractor and the client. Explain the general procedure for preparing the Interim Payment in the implementation of construction project in Malaysia.
- Bayaran Interim memainkan peranan penting untuk mengekalkan aliran tunai yang lancar dalam projek pembinaan yang memberi faedah kepada kedua-dua pihak kontraktor dan majikan. Terangkan prosedur umum penyediaan Bayaran Interim di dalam pelaksanaan projek pembinaan di Malaysia.*
- [11marks]
[11 markah]

SECTION B: 50 MARKS**BAHAGIAN B: 50 MARKAH****INSTRUCTION:**

This section consists of **FOUR (4)** subjective questions. Answer **TWO (2)** questions only.

ARAHAN:

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan subjektif. Jawab DUA (2) soalan sahaja.

QUESTION 1**SOALAN 1**

- CLO1 (a) Valuation of payment for Preliminaries Works is made to the items priced by the contractor in the bills of quantities. Determine the cost component of Preliminaries Works with appropriate examples to be considered by the Quantity Surveyor in preparing the interim payment for the Preliminaries Works.
- Penilaian bayaran untuk Kerja-kerja Awalan dibuat terhadap perkara-perkara yang dihargaikan oleh kontraktor di dalam senarai kuantiti. Tentukan komponen kos Kerja-kerja Awalan berserta contoh-contoh yang sesuai bagi dipertimbangkan oleh Juruukur Bahan dalam penyediaan bayaran interim untuk Kerja-kerja Awalan.*
- [10 marks]
[10 markah]
- CLO1 (b) Based on Table B1(b), calculate the amount of Interim Payment No. 8 for Preliminaries Works by using Pro-rate On the Value of Work Executed Method.
- Berdasarkan Jadual B1(b), kirakan jumlah Bayaran Interim No. 8 bagi Kerja-kerja Awalan dengan menggunakan Kaedah Pro-rata Berdasarkan Nilai Kerja yang Telah Dilaksanakan.*

Table B1(b) / *Jadual B1(b)*

No.	Item / <i>Item</i>	Value / <i>Nilai</i>
1	Initial Cost <i>Kos Awalan</i>	RM350,000.00
2	Progressive Cost <i>Kos Berterusan</i>	RM850,000.00
3	Completion Cost <i>Kos Penyiapan</i>	RM137,200.00
4	Contract Period <i>Tempoh Kontrak</i>	12 months
5	Contract Sum <i>Jumlah Kontrak</i>	RM13,372,300.00
6	Provisional Sum <i>Wang Peruntukan Sementara</i>	RM350,000.00
7	Preliminaries Works <i>Kerja-kerja Awalan</i>	RM530,000.00
8	Value of work done for Interim Payment No. 8 <i>Nilai kerja yang telah dilaksanakan untuk Bayaran Interim No. 8</i>	RM5,500,000.00

[15 marks]

[15 markah]

QUESTION 2**SOALAN 2**

- CLO1 (a) Based on data shown in Table B2(a), calculate the recommended amount for Interim Payment No. 3.

Berdasarkan data seperti yang ditunjukkan dalam Jadual B2(a), kirakan jumlah yang disyorkan untuk Bayaran Interim No. 3.

Table B2(a) / Jadual B2(a)

Interim Payment No. 3 <i>Bayaran Interim No. 3</i>	
• Contract Sum <i>Harga Kontrak</i>	RM 106,000,000.00
• Percentage value of work done from Contract Sum (For Interim Payment No. 3) <i>Nilai peratusan kerja dilaksanakan daripada Harga Kontrak (Untuk Bayaran Interim No. 3)</i>	13%
• Total value of Materials on Site <i>Jumlah nilai Bahan-bahan di Tapak</i>	RM 730,060.00
• Amount of Interim Payment No. 1 <i>Amaun Bayaran Interim No. 1</i>	RM 4,120,800.00
• Amount of Interim Payment No. 2 <i>Amaun Bayaran Interim No. 2</i>	RM 4,398,500.00
• Percentage value of Materials on Site to be paid to the contractor <i>Nilai peratusan Bahan-bahan di Tapak yang perlu dibayar kepada kontraktor</i>	75%
• Retention Sum <i>Wang Tahanan</i>	5%

[10 marks]

[10 markah]

- CLO1 (b) There are two standard form of contracts that are often used for the implementation of building construction projects in Malaysia namely the PWD Standard Form of Contract in the government sector and the PAM Standard Form of Contract in the private sector. The use of different standard form of contract will result in the Interim Payment procedure also varying in accordance with the conditions contained in the contract form.
- Compare the Interim Payment procedures based on PWD Standard Form of Contract and PAM Standard Form of Contract.
- Terdapat dua borang kontrak piawai yang sering digunakan bagi pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan di Malaysia iaitu Borang Kontrak Piawai PWD dalam sektor kerajaan dan Borang Kontrak Piawai PAM dalam sektor swasta. Penggunaan borang kontrak piawai yang berbeza akan menyebabkan prosedur penyediaan Bayaran Interim juga berbeza selari dengan syarat-syarat yang terkandung dalam borang kontrak berkenaan.*
- Bandingkan prosedur Bayaran Interim berdasarkan Borang Kontrak Piawai PWD dan Borang Kontrak Piawai PAM.*

[15 marks]

[15 markah]

QUESTION 3**SOALAN 3**

- CLO1 (a) Jasabina Sdn. Bhd. has completed Variation of Work for Piping Works where the HDPE pipe size has changed from 100mm diameter to 150mm diameter for 30 meter long. Explain **FIVE (5)** effects of Variation of Work in the construction process.
- Jasabina Sdn. Bhd. telah menyiapkan Perubahan Kerja bagi kerja-kerja Perpaipan dimana saiz paip HDPE telah berubah dari 100mm diameter kepada 150mm diameter sepanjang 30 meter. Terangkan **LIMA (5)** kesan Perubahan Kerja dalam proses pembinaan.*

[10 marks]

[10 markah]

- CLO1 (b) Based on Table B3(b), calculate the total amount of Variation of Work No. 1 for Infrastructure Works.

Berdasarkan kepada Jadual B3(b), kirakan jumlah nilai Perubahan Kerja No. 1 bagi Kerja-kerja Infrastruktur.

Table B3(b) / *Jadual B3(b)*

Item / Item	Description / <i>Keterangan</i>	Amount (RM) / <i>Jumlah (RM)</i>	
		Original / <i>Asal</i>	Revised / <i>Perubahan</i>
1	Roadworks (Internal Road) <i>Kerja Jalan (Jalan Dalam)</i>	124,599.06	118,612.62
2	Roadworks (External Road) <i>Kerja Jalan (Jalan Luar)</i>	24,959.70	125,942.50
3	Roadworks (Playground Area) <i>Kerja Jalan (Kawasan Permainan)</i>	15,630.00	13,285.50
4	Road Kerb / <i>Bebendul Jalan</i>	-	55,650.00
5	Drainage / <i>Longkang</i>	79,085.50	89,201.50
6	Turfing / <i>Rumput</i>	32,547.84	51,590.40
7	Fencing/ <i>Pagar</i>	42,312.00	60,366.40

[15 marks]

[15 markah]

QUESTION 4

SOALAN 4

- CLO1 (a) Syarikat Pembinaan Azam Bina failed to complete a school project in Kota Kinabalu, Sabah by the contractual Completion Date, and was subsequently subjected to Liquidated and Ascertained Damages (LAD). Explain on the Practical Completion and Liquidated Ascertain Damages.

Syarikat Pembinaan Azam Bina telah gagal menyiapkan sebuah projek sekolah di Kota Kinabalu, Sabah pada Tarikh Siap seperti di dalam kontrak dan telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD). Terangkan mengenai Penyiapan Praktikal dan Ganti Rugi Tertentu Ditetapkan.

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (b) By the end date of the approved Extension of Time period and in accordance with all procedures outlined in the PWD Standard Form of Contract, Syarikat Pembinaan Mega Megah successfully completed the construction works in accordance with the contract. Based on the PWD Standard Contract Form 203A, explain the procedure for preparing the Final Account that needs to be implemented.

Menjelang tarikh akhir tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan dan mengikut semua prosedur yang digariskan dalam Borang Kontrak Piawai PWD, Syarikat Pembinaan Mega Megah berjaya menyiapkan kerja-kerja pembinaan mengikut kontrak. Berdasarkan Borang Kontrak Piawai PWD203A, terangkan mengenai prosedur penyediaan Akaun Muktamad yang perlu dilaksanakan.

[15 marks]

[15 markah]

SOALAN TAMAT